

# LAPORAN

## Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2007



Jabatan Audit Negara  
Malaysia



Tema:

Sumbangan Juruaudit ke Arah Mempertingkatkan  
Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

Foto: [www.tourismjohor.com](http://www.tourismjohor.com)

Dirasmikan Oleh:

Y.B. Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan  
Speaker Dewan Negeri Johor

Lokasi

The Zon Regency Hotel  
Johor Bahru, Johor

Tarikh

Isnin, 29 Oktober 2007

## **KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>INTIPATI HARI AUDIT SE MALAYSIA 2007</b>	<b>2-4</b>
<b>ATUR CARA MAJLIS</b>	<b>5</b>
<b>PENERIMA SIJIL PENYERTAAN PROGRAM ANAK     ANGKAT TAHUN 2006/2007</b>	<b>6</b>
<b>SENARAI SEKOLAH TERPILIH YANG MENERIMA     SUMBANGAN BUKU</b>	<b>7</b>
<b>UCAPAN ALUAN KETUA AUDIT NEGARA</b>	<b>8-13</b>
<b>UCAPAN PERASMIAN Y.B. SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR</b>	<b>14-18</b>
<b>JAWATANKUASA PENGANJUR</b>	<b>19</b>
<b>GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI HARI AUDIT SE MALAYSIA TAHUN 2007</b>	<b>20-24</b>

## INTIPATI HARI AUDIT SE MALAYSIA TAHUN 2007

### PENDAHULUAN

- 1.1 Jabatan Audit Negara Malaysia telah menganjurkan sambutan Hari Audit Se-Malaysia tahun 2007 pada 29 Oktober 2007 bertempat di The Zon Regency Hotel, Johor Bahru. Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2007 adalah merupakan sambutan kali ketiga semenjak diadakan pada penghujung tahun 2005.
- 1.2 Penganjuran Hari Audit Se-Malaysia ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan warga audit dan Jabatan/Agensi yang diaudit tentang peri mustahaknya peranan masing-masing untuk memastikan tadbir urus yang baik di pelbagai peringkat perkhidmatan awam dalam penggunaan wang awam dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.
- 1.3 Ia sekali gus memberi peluang kepada Jabatan/Agensi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara di samping membolehkan mereka mendapatkan pandangan atau nasihat daripada pegawai Audit berhubung dengan pengurusan kewangan.
- 1.4 Majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2007 telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan, Speaker Dewan Negeri Johor. Majlis telah dihadiri oleh 750 orang yang terdiri daripada Ketua Jabatan Negeri di Johor, Firma Audit Swasta, Badan Profesional, Pegawai Kanan serta warga Jabatan Audit Negara.

### TEMA

- 1.5 Tema sambutan Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2007 adalah **Sumbangan Juruaudit Ke Arah Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam**. Tema yang dipilih ini memberi penekanan dalam memperkasakan peranan Juruaudit bagi memperkukuhkan akauntabiliti pengurusan awam dan integriti sektor awam melalui pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional.

- 1.6 Fokus tema sambutan ini juga amat relevan dan bertepatan dengan prinsip Kerajaan yang adil dan beramanah dan kehidupan berkualiti berlandaskan Islam Hadhari bagi menambah baik sistem penyampaian Kerajaan. Ia juga adalah selaras dengan sasaran untuk mencapai TEKAD 2008, Pelan Integriti Nasional.

## **PROGRAM**

- 1.7 Di antara program yang telah disusun untuk memenuhi majlis ini adalah penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih (**Lampiran A**). Senarai penerima Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan sekolah terpilih yang menerima sumbangan buku adalah seperti di **Lampiran B dan C**.
- 1.8 Pelaksanaan Program Anak Angkat adalah merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Jabatan Audit Negara untuk mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam. Melalui program ini, beberapa pejabat yang bermasalah dalam pengurusan kewangan akan diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memperbetulkan kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan.
- 1.9 Di samping itu, 7 buah sekolah telah dipilih untuk menerima sumbangan. Pemilihan sekolah untuk menerima sumbangan buku adalah dibuat berdasarkan kepada sosioekonomi dan pencapaian sekolah tersebut.
- 1.10 Satu tayangan klip video selama 20 minit bertajuk **Audit, Satu Senario Biasa** telah juga ditayangkan. Klip video ini bertujuan meningkatkan kesedaran di pihak auditi mengenai tanggungjawab mereka dalam pengurusan kewangan.

## **PERASMIAN**

- 1.11 Ketua Audit Negara dalam ucapan aluannya menaruh harapan agar Juruaudit perlu gigih meneruskan usaha menambah baik prestasi dan kualiti perkhidmatan yang diberi dengan mengenal pasti keperluan pelanggan dan melakukan tugas melebihi apa yang dikehendaki.
- 1.12 Di antara usaha untuk menggalakkan penambahbaikan yang berterusan dan konsisten dalam pengurusan kewangan, Jabatan Audit Negara akan melaksanakan sistem Indeks Akauntabiliti mulai tahun hadapan. *Accountability Index* (AI) ini bertujuan untuk membolehkan penanda aras secara luaran dan dalaman bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan sama ada Persekutuan mahupun negeri dalam konteks menggalakkan penambahbaikan yang berterusan dalam pengurusan kewangan.
- 1.13 Y.B. Speaker Dewan Negeri Johor dalam ucapan perasmiannya menekankan akan pentingnya peranan Jabatan Audit Negara bukan sahaja dalam mewujudkan akauntabiliti serta ketelusan Pengurusan Wang Awam tetapi juga untuk menilai sejauh mana projek Kerajaan mencapai objektif yang ditetapkan khususnya dalam pelaksanaan Wilayah Pembangunan Iskandar.
- 1.14 Pada pandangan beliau, pelaksanaan projek Kerajaan harus dipantau dengan rapi dan keupayaan pelaksanaannya dipertingkatkan untuk memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang kelewatan menyiapkan sesuatu projek akan mengakibatkan kenaikan kos dan kemudahan tidak dimanfaatkan sebagaimana tujuannya.

## **RUMUSAN**

- 1.15 Sambutan Hari Audit Se Malaysia Tahun 2007 telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pihak luar dan dalam Jabatan. Dengan adanya acara sebegini, maka dapatlah memberi ruang dan peluang kepada Jabatan/Agensi untuk memahami peranan Jabatan Audit Negara dan mendapat pandangan/nasihat kewangan/aktiviti mereka serta mendapat maklum balas ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian audit.

**ATUR CARA MAJLIS  
HARI AUDIT SE MALAYSIA 2007  
29 OKTOBER 2007**

- 9.30 pg. : Ketibaan Para Jemputan
- 10.00 pg. : Ketibaan Y.B. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hassan  
Speaker Dewan Negeri Johor
- Lagu Negaraku
  - Lagu Negeri Johor
  - Lagu Korporat Jabatan Audit Negara
- Bacaan Doa
- Ucapan Aluan oleh:  
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang  
Ketua Audit Negara Malaysia
- Ucuptama dan Perasmian oleh:  
Y.B. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hassan  
Speaker Dewan Negeri Johor
- Persembahan Multi Media
- Penyampaian:
- Sijil Penyertaan Program Anak Angkat  
Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih
- Sidang Media
- 12.00 tgh. : Jamuan Tengah hari
- Bersurai

**Penerima Sijil Penyertaan Program Anak Angkat Tahun 2006/2007**

**PERSEKUTUAN**

1. Jabatan Filem Negara Malaysia
2. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
3. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
4. Jabatan Perikanan Negeri Pahang
5. Institut Penyelidikan Haiwan, Ipoh, Perak
6. Pangkalan TUDM Kuala Lumpur
7. Pusat Hidrografi Nasional

**PERAK**

8. Kolej Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak
9. Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang, Tapah, Perak
10. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kinta, Perak
11. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak

**JOHOR**

12. Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor
13. Jabatan Kerja Raya Muar, Johor
14. Yayasan Warisan Negeri Johor

**KELANTAN**

15. Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah, Kelantan
16. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan

**NEGERI SEMBILAN**

17. Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan
18. Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Negeri Sembilan
19. Pusat Pembangunan Komuniti, Negeri Sembilan
20. Sekolah Menengah Agama Dato' Hj. Tan Ahmad, Negeri Sembilan

**TERENGGANU**

21. Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Terengganu, Terengganu
22. Majlis Daerah Marang, Terengganu
23. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Terengganu, Terengganu

**PULAU PINANG**

24. Perbadanan Perpustakaan Awam, Pulau Pinang

**PERLIS**

25. Jabatan Mufti Negeri Perlis
26. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis

**PAHANG**

27. Jabatan Mufti Negeri Pahang
28. Perbadanan Stadium Darul Makmur
29. Majlis Daerah Lipis, Pahang

**Senarai Sekolah Yang Menerima Sumbangan Buku**

1. Sek. Agama Kampung Jawa, Segamat, Johor
2. Sek. Agama Kundang Ulu, Muar, Johor
3. Sek. Keb. Gombang, Muar, Johor
4. Sek. Keb. Labung, Mersing, Johor
5. Sek. Keb. Punan, Kluang, Johor
6. SJK(C) Sayong, Kluang, Johor
7. SJK(T) Ladang Kulai Besar, Kulai, Johor

**UCAPAN ALUAN  
KETUA AUDIT NEGARA  
Y. BHG. TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN  
BIN BUANG**



Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera

Y.B. Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan  
Speaker Dewan Negeri Johor

Y.B. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Y.Bhg. Dato' Azizah binti Hj. Arshad  
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

Tuan Hj. Anwari bin Suri  
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)

En. Md. Tahib Hj. Ridzuan  
Pengarah Audit Negeri Johor

Y. Bhg. Dato'- Dato dan Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama di majlis perasmian Hari Audit Se Malaysia pada pagi ini. Terlebih dahulu, saya amat berterima kasih kepada Y.B. Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan kerana sudi meluang masa untuk merasmikan majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Y.B. Dato' dan tetamu kita daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Johor menandakan sokongan padu dan komitmen Kerajaan Negeri Johor terhadap agenda pengauditan sektor awam sekali gus memeriahkan sambutan Hari Audit pada tahun ini.

2. Hari Audit ini dianjurkan adalah untuk memupuk kesedaran di kalangan warga audit dan pihak-pihak yang diaudit tentang peri mustahaknya peranan masing-masing dalam memastikan tadbir urus yang baik dalam pelbagai peringkat perkhidmatan awam dalam penggunaan wang awam dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Akauntabiliti dan integriti merupakan teras kegemilangan perkhidmatan awam dan Jabatan Audit Negara dan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang diaudit masing-masing mempunyai kewajipan memastikan

kedua-dua prinsip ini dibudayakan pada setiap masa. Sumber wang kerajaan adalah terhad dan wang yang dibelanjakan untuk sesuatu program atau projek atau aktiviti itu mestilah membawa manfaat semaksimum mungkin dengan mengelakkan gejala pembaziran, pemborosan dan penyelewengan. Kelemahan-kelemahan dan kesilapan masa lepas hendaklah dijadikan iktibar sekiranya mereka yang diamanahkan untuk mengurus wang awam itu benar-benar komited untuk menunaikan amanah itu secara jujur dan ikhlas. Seperti yang saya war-warkan di sambutan Hari Audit di Shah Alam tahun lalu segala kelemahan atau kesilapan yang dianggap biasa atau *routine* itu hendaklah diperbetulkan dan selepas diperbetulkan hendaklah dibiasakan dalam erti kata mewujudkan budaya kerja yang sentiasa cemerlang.

3. Sambutan Hari Audit Se Malaysia di Johor Bahru kali ini bertemakan 'Sumbangan Juruaudit ke arah Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam' yang memberi penekanan kepada peranan Juruaudit dalam memantapkan akauntabiliti pengurusan awam kerana tuntutan *stakeholders* khususnya dan ekspektasi rakyat amnya kepada perkhidmatan terbaik dan responsif daripada sektor awam yang semakin meningkat. Fokus tema sambutan ini saya yakin adalah amat relevan dan bertepatan dengan prinsip kedua (Kerajaan yang adil dan beramanah) dan keenam (Kehidupan berkualiti) Islam Hadhari bagi menambah baik sistem penyampaian Kerajaan. Ia juga adalah selaras dengan sasaran untuk mencapai TEKAD 2008, Pelan Integriti Nasional. Majlis ini diadakan di Johor pada tahun ini ialah untuk membawa mesej mengenai peri mustahaknya akauntabiliti dan integriti diamalkan oleh seluruh warga perkhidmatan awam di negeri Johor sejajar dengan saranan-saranan kepimpinan negeri Johor sendiri yang saya tahu amat peka tentang budaya kerja cemerlang di kalangan warga perkhidmatan awam Johor, yang ingin melihat pengurusan kewangan yang sentiasa berakauntabiliti dan berintegriti di jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang ingin melihat sistem penyampaian yang lebih cekap dan mesra dan yang ingin melihat tidak ada gejala pembaziran, pemborosan dan penyelewengan dalam penggunaan wang awam, baik dalam belanja mengurus mahupun belanja pembangunan. Oleh itu, bagi memperbaiki imej dan persepsi terhadap segelintir jabatan dan agensi Kerajaan di negeri Johor yang masih lewat menghantar penyata kewangan untuk diaudit dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor dan bagi mereka yang masih belum berjaya mendapatkan Sijil Audit tanpa teguran, komitmen yang lebih serius hendaklah ditunjukkan oleh pihak-pihak

yang terlibat. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di atas inisiatif-inisiatif yang telah diambil baru-baru ini untuk memperbaiki pengurusan kewangan di beberapa Jabatan dan agensi negeri yang bermasalah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Sejak kebelakangan ini, sistem penyampaian awam mendapat perhatian daripada rakyat dan media massa. Isu mengenai banjir kilat, penyelenggaraan infrastruktur yang lemah yang menyebabkan kebocoran di bangunan-bangunan Kerajaan, lebuhraya mengalami rekahan, penguatkuasaan yang lemah, kualiti perkhidmatan yang rendah dan kurang koordinasi antara agensi Kerajaan sebagai pembuat dan pelaksana polisi dan sebagainya adalah antara indikator kelemahan sistem penyampaian Kerajaan. Perkara-perkara ini menimbulkan persepsi negatif terhadap prestasi dan kebolehan sektor awam di kalangan masyarakat. Ini kerana pada pandangan masyarakat awam, kakitangan awam sememangnya dituntut memberi perkhidmatan terbaik dalam erti kata mendapatkan perkhidmatan atau jawapan yang pantas, tepat dan mesra. Sekiranya tidak memenuhi apa yang diharapkan, mereka akan terus mempunyai persepsi yang negatif terhadap perkhidmatan awam.

5. Kerajaan amat prihatin dalam memperbaiki dan mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan dan aspek penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam telah dijadikan salah satu teras dalam RMKe 9. Pelbagai program dan kaedah baru dilaksanakan bagi memastikan jentera pentadbiran Kerajaan kita di semua peringkat sentiasa cekap dan berkesan untuk menjamin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berterusan. Usaha ini meliputi inisiatif-inisiatif dalam bidang pengurusan kualiti, ICT, akauntabiliti dan keutuhan pengurusan serta pembangunan sumber manusia. Seperti yang kita tahu, antara langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah penubuhan pasukan petugas khas pemudah cara perniagaan (pemudah) dan pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) di semua agensi dan pejabat di seluruh negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Dalam konteks memperbaiki sistem penyampaian Kerajaan ini, kami warga audit boleh membantu kerajaan dengan berperanan sebagai salah satu agensi pemantau dengan memberi maklum balas yang objektif tentang *outcome* dan impak sesuatu program, projek atau aktiviti kerajaan di semua peringkat. Tadbir urus yang cekap dan berkualiti merupakan kunci kepada sistem penyampaian Kerajaan yang berkesan dan saya percaya laporan audit mampu memberi maklum balas yang objektif kepada Kerajaan tentang sesuatu perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai untuk mendapat tindakan susulan yang sewajarnya.

7. Dalam Laporan Audit Tahun 2006, isu ketelusan dan tadbir urus Kerajaan terus dilaporkan. Pendedahan isu berhubung salah guna dana awam termasuk membuat perbelanjaan meragukan, pembelian peralatan berlebihan dan pengurusan kontrak yang tidak teratur bukanlah isu yang baru tetapi telah berulang kali dilaporkan pada tahun-tahun sebelumnya. *Stakeholders* terutamanya masyarakat dan media mahu perkara ini ditangani dengan serius agar keyakinan kepada kerajaan dan perkhidmatan awam tidak terhakis. Mereka mahu pihak-pihak yang diamanahkan untuk menguruskan wang awam tidak melakukan pembaziran, pemborosan dan penyelewengan.

8. Pada hemat saya, gejala-gejala ini akan terus berlaku sekiranya pegawai awam yang terlibat tidak tahu atau tidak mahir atau sengaja membelakangkan peraturan-peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa. Ditambah dengan sistem kawalan dalaman yang lemah di mana pengurusan dan pemantauan yang berterusan tidak dilakukan oleh pihak atasan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Maka untuk menggalakkan penambahbaikan yang berterusan dan konsisten dalam pengurusan kewangan, Jabatan Audit Negara akan melaksanakan sistem Indeks Akauntabiliti mulai tahun hadapan. *Accountability Index (AI)* ini bertujuan untuk membolehkan penanda aras secara luaran dan dalaman bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan sama ada Persekutuan mahupun negeri dalam konteks menggalakkan penambahbaikan yang berterusan dalam pengurusan kewangan mereka. Melalui AI, kita akan dapat menilai

pengurusan kewangan bukan sahaja antara Kementerian atau Jabatan tetapi *trend* pencapaian mereka untuk beberapa tahun.

10. Pada petang ini, di Johor Bahru ini, InsyaAllah kita akan melancarkan garis panduan mengenai Indeks Akauntabiliti. Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi akan dinilai berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Saya percaya pelaksanaan AI membantu meningkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan dalam sektor awam. Seterusnya, ini akan meningkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam.

11. Tugas Jabatan Audit Negara sekarang ini kian bertambah. Kita tidak hanya mengesahkan kesahihan penyata kewangan, mengaudit pengurusan kewangan atau menjalankan pengauditan prestasi, kita juga terlibat dengan pengauditan keselamatan bangunan Kerajaan, sistem penyelenggaraan aset dan fasiliti negara dan pengauditan ICT.

12. Menyentuh tentang ICT, perkhidmatan sektor awam kini telah bertukar dari sistem manual kepada elektronik. Sejak Ogos 2003, Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia bagi meningkatkan penggunaan ICT dalam sistem penyampaian. Langkah ini dapat merungkaikan masalah yang berlaku dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam, mempermudah dan memperkemaskan lagi sistem dan aliran kerja serta dapat memantapkan pentadbiran sektor awam. Seajar dengan perkembangan ini, kami sering menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem komputer yang melibatkan perbelanjaan yang besar di beberapa Kementerian/Jabatan Kerajaan bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data.

13. Selain itu, kami sentiasa mempertingkatkan kerjasama dengan pegawai Unit Audit Dalam di jabatan-jabatan dan agensi bagi membantu mereka dalam tadbir urus organisasi. Sungguhpun kami mempunyai tanggungjawab yang berbeza, namun matlamat kami adalah sama iaitu memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam penggunaan wang awam serta menggalakkan pentadbiran yang cekap dan berhemat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Cabaran yang kami hadapi hari ini berbeza dengan cabaran yang kita hadapi 50 tahun yang lalu. Kepsatan teknologi maklumat, peningkatan ekspektasi pelanggan dan *stakeholders*, keperluan bidang pengauditan yang baru selaras dengan perkembangan semasa dan sebagainya merupakan sebahagian daripada cabaran yang baru warga audit tidak dapat dielakkan pada hari ini. Justeru, kami warga audit perlu sentiasa mempertingkatkan profesionalisme dan kompetensi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Sehubungan dengan ini, saya suka memetik kata-kata Y. B. Perdana Menteri:

*'If we are to successfully compete for tomorrow, we need to understand that being world-class does not begin and end with building world-class facilities. We need above all else, world-class management and working practices'*. Pada hemat saya, ianya bermula dengan sikap positif dan ditambah dengan usaha-usaha memperkasakan lagi tugas dan peranan kami.

15. Pengauditan merupakan salah satu tonggak bagi tadbir urus yang baik dan berkesan. Dalam hal ini kami amat berterima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bersetuju untuk menimbangkan pertambahan jawatan bagi Jabatan Audit Negara yang saya percaya dapat memperkasakan lagi tugas dan peranan kami. Saya yakin dengan azam dan semangat yang lebih, kita dapat meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam dan seterusnya kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada urus setia sambutan Hari Audit Se Malaysia terutama kepada Pengarah Audit serta warga Cawangan Audit Negeri Johor yang telah bertungkus lumus memastikan majlis ini dapat dijalankan dengan sempurna. Kepada Y. B. Tuan Speaker, sekali lagi saya merakamkan jutaan terima kasih di atas kesudian Y.B. bersama-sama dengan kami pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

**UCAPAN PERASMIAN  
Y.B. DATO' HAJI MOHD. ALI BIN HASSAN,  
SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR**



**Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang  
Ketua Audit Negara Malaysia

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Y.Bhg. Dato' Azizah Bte Haji Arshad  
Timbalan Ketua Audit Negara Merangkap Pengerusi Hari Audit Se- Malaysia 2007

Y.Bhg Dato'-Dato', Datin-Datin,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Audit Negara

Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

2. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya juga dapat kita bertemu pada pagi yang berbahagia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Jabatan Audit Negara kerana memilih negeri Johor sebagai lokasi sambutan kali ini. Ucapan terima kasih juga kepada Jabatan Audit Negara kerana sudi mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini dan menyampaikan sepatah dua kata.

3. Pada pandangan saya tema yang dipilih untuk sambutan pada tahun ini iaitu **Sumbangan Juruaudit ke Arah Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam** amat bersesuaian kerana walaupun pelbagai usaha dan pembaikan telah dilaksanakan, tetapi sehingga kini sistem perkhidmatan awam sekarang sering dikatakan dengan persepsi kurang baik iaitu lemah, tidak cekap dan kurang bermaya, birokratik dan tidak mesra pelanggan. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri yang mahukan penambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Penyampaian perkhidmatan yang cekap perlu

bagi memenuhi tuntutan rakyat dan masyarakat perniagaan yang kian meningkat. Orang awam mengharapkan urusan dengan Kerajaan lebih mudah dan selesa dan komuniti perniagaan memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan tepat supaya kos operasi menjadi lebih rendah dan membolehkan perkhidmatan yang lebih kompetitif. Sehubungan itu, Perkhidmatan Awam perlu komited untuk terus berusaha meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

4. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam akan meningkatkan lagi iklim pelaburan di negara ini. Sistem penyampaian perkhidmatan awam juga menjadi salah satu teras dalam Rancangan Malaysia ke-Sembilan. Hasrat murni Kerajaan ini perlu diambil perhatian serius oleh semua agensi Kerajaan. Ketua-ketua agensi perlu meningkatkan usaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan-amalan masa kini bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing. Ini termasuk sistem dan prosedur kerja sedia ada, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, peralatan dan kelengkapan yang digunakan serta tahap kemahiran anggota organisasi yang melaksanakan tugas. Untuk merealisasikan hasrat tersebut tumpuan tidak seharusnya hanya pada mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang, malah perlu juga memainkan peranan sebagai pemudah cara. Kerajaan beriltizam untuk menambah kualiti perkhidmatan awam kerana ia merupakan satu prasyarat asas bagi mencapai Misi Nasional.

5. Sehubungan ini Kerajaan telah berusaha mengurangkan karenah birokrasi terutamanya di peringkat pihak berkuasa tempatan dan daerah. Proses dan prosedur kerja serta undang-undang dirombak dan diperkemas, manakala lebih banyak pusat keputusan telah ditubuhkan bagi membolehkan keputusan dibuat dengan lebih berkesan dan cepat. Petugas-petugas kaunter sepatutnya lebih responsif dan bersikap mempermudah urusan pelanggan yang datang berurusan di kaunter. Penggunaan ICT, tidak dinafikan, berupaya memberi manfaat dalam meningkatkan prestasi sistem dan aplikasi ICT, setiap agensi hendaklah mengambil kira perkhidmatan utama (atau *core business*) yang boleh diubahsuaikan supaya ia dapat disampaikan melalui ICT tanpa menjejaskan kehendak pelanggan. Penggunaan ICT akan membolehkan kita menukar cara bekerja, mempercepatkan masa dan tempoh perkhidmatan yang diberikan serta dapat menerapkan amalan terbaik dalam penggunaan ICT. Ini termasuk projek SPEKS, e-Tanah dan e-PBT yang dijangka mempertingkatkan proses pentadbiran melalui penggunaan teknologi secara bersepadu.

6. Sistem *Key Performance Indicator* atau Petunjuk Utama Prestasi telah dilaksanakan bagi memantau dan mengukur prestasi sistem penyampaian

perkhidmatan awam. Pengukuran prestasi akan membolehkan agensi Kerajaan mengenal pasti tahap prestasi, kekuatan dan kelemahan masing-masing. Ia juga membolehkan agensi membandingkan hasil pengukuran tersebut secara mendalam di antara pejabat-pejabat cawangan. Hasil pengukuran akan menyediakan peluang kepada agensi untuk mengambil tindakan penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam tetapi juga untuk menerap dan mengamalkan budaya kerja berasaskan prestasi di sektor awam. Biro pengaduan awam akan turut mengendalikan maklum balas dan aduan daripada orang ramai berkaitan prestasi penyampaian perkhidmatan awam. Dengan pendekatan tersebut matlamat untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada para pelanggan akan dapat dicapai.

7. Jabatan Audit Negara tidak terlepas dalam melaksanakan peranannya bagi memastikan jentera Kerajaan dan agensi lain melaksanakan tugasnya bagi memastikan perancangan dan strateginya baik dan tidak wujud kelemahan. Kelemahan dalam sistem penyampaian perlu dikenal pasti barulah Kerajaan boleh mengambil langkah untuk mengatasinya. Syor-syor dan pendapat daripada Jabatan Audit Negara dalam pengauditan Pengurusan Kewangan dan Aktiviti perlu dilihat secara positif dan diambil tindakan secara terbuka oleh Ketua Jabatan. Laporan dan aduan wajar menjadi cabaran kepada semua anggota perkhidmatan awam dalam meningkatkan mutu kerja ke tahap yang diharapkan serta meningkatkan sistem penyampaian. Peranan Jabatan Audit Negara amatlah penting dalam peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

8. Penyata Akaun Awam Negeri Johor telah dapat dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara mengikut jadual yang ditetapkan dan telah diberi sijil bersih lima tahun berturut-turut sejak tahun 2002. Saya juga difahamkan penyerahan penyata kewangan tahunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Johor adalah bertambah baik di mana kesemua Pihak Berkuasa Tempatan dan 11 agensi juga telah pun menyerahkan penyata tahun 2006 untuk tujuan pengauditan. Saya mengucapkan syabas kepada semua Ketua Jabatan/Agensi kerana telah berusaha mengemaskinikan penyediaan penyata kewangan.

9. Saya telah difahamkan bahawa, mulai tahun 2007, semua Jabatan/Agensi Negeri akan diaudit pengurusan kewangannya dan diberi *ranking* atau Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara dalam usaha memastikan keberkesanan pengurusan kewangan masing-masing. Pelaksanaan penarafan prestasi kewangan di bawah Indeks Akauntabiliti itu akan ditentukan berdasarkan markah

keseluruhan yang diperoleh setiap Jabatan dan Agensi, sekali gus membolehkan masing-masing membuat perbandingan prestasi. Ia diharap dapat mendorong setiap Jabatan dan Agensi mengambil pendekatan lebih serius menguruskan akaun dan kewangan secara lebih teratur, kemas dan terkini. Dengan itu pada akhir tahun setiap jabatan dan agensi akan mengetahui kedudukan *ranking* mereka di negeri Johor dan saya amat mengharapkan semua jabatan dan agensi negeri Johor mendapat *ranking* yang baik dalam pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Sehubungan dengan itu Jabatan Audit Negara juga dapat membantu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

10. Sebagaimana semua sedia maklum negeri Johor sedang pesat membangun. Wilayah Pembangunan Iskandar (*Iskandar Development Region*) merupakan koridor pembangunan yang dilaksanakan di Selatan Johor. Koridor ini ditubuhkan pada 30 Julai 2006 dan dikenali sebagai *South Johor Economic Region* atau Pembangunan Wilayah Ekonomi Selatan Johor. Tempoh pembangunan kawasan ini adalah sehingga tahun 2025 dan memerlukan kos lebih RM47 bilion untuk menjana pertumbuhan ekonomi sebanyak lapan peratus dalam tempoh lima tahun yang pertama. Pembangunan ini merangkumi lokasi segi tiga di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di utara, Pelabuhan Tanjung Pelepas di barat daya dan Pelabuhan Pasir Gudang di tenggara. Wilayah Pembangunan Iskandar adalah penggerak utama ekonomi rantau Asia Tenggara. Dalam tempoh 10 hingga 15 tahun, kawasan pertumbuhan ekonomi itu dijangka begitu pesat melalui kepelbagaian bidang iaitu elektrik dan elektronik, petrokimia dan oleokimia, pemprosesan makanan dan pertanian, perkhidmatan logistik serta pelancongan di samping perubatan dan kesihatan, pendidikan, kewangan serta industri kreatif.

11. Bagi mencapai matlamat ini, maka saya berharap Jabatan Audit Negara dapat membantu dan menyumbang agar misi pelaksanaan Wilayah Pembangunan Iskandar tercapai. Jabatan Audit Negara dapat membantu dengan memastikan perancangan dan pelaksanaan yang teratur, projek yang dilaksanakan memanfaatkan kumpulan sasaran dan penyelenggaraan terhadap projek yang siap dilaksanakan. Pelaksanaan projek Kerajaan harus dipantau dengan rapi dan keupayaan pelaksanaannya ditingkatkan untuk memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang kelewatan menyiapkan sesuatu projek akan mengakibatkan kenaikan kos dan kemudahan tidak dimanfaatkan sebagaimana tujuannya. Jabatan Audit Negara mempunyai peranan penting bukan sahaja untuk mewujudkan akauntabiliti serta ketelusan di dalam Pengurusan Wang Awam tetapi juga untuk menilai sejauh mana projek Kerajaan mencapai objektif yang ditetapkan.

12. Saya juga percaya dengan usaha dan kerjasama yang gigih oleh semua agensi dan sumbangan yang diberikan oleh Jabatan Audit Negara dapat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, maka visi untuk menjadikan perkhidmatan awam yang cemerlang, gemilang dan terbilang akan menjadi satu kenyataan.

13. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim sukacita saya merasmikan Hari Audit Se-Malaysia 2007 ini.

Sekian,

Wabillahittaufik Walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

## **JAWATANKUASA PENGANJUR**

Jawatankuasa yang telah dilantik bagi melaksanakan program Hari Audit Se Malaysia Tahun 2007 adalah seperti berikut:

### **Penasihat**

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang

### **Pengerusi**

Y.Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad

### **Timbalan Pengerusi**

En. Mohd Tahib bin Hj. Radzuan

### **Setiausaha Bersama**

En. Zaaba bin Zainuddin

Pn. Hawa bt. Anuar

### **Ahli Jawatankuasa**

#### **Ibu Pejabat**

Tn. Hj. Mustafa b. Saman  
Dr.Masiah bt. Ahmad  
En. Muhammad Iskandar b. Mokhtar  
Pn. Nurhayati bt. Masah  
Cik Badariah bt. Abas  
En. Mohd Yusri b. Karim  
En. Mohd Faidzal b. Abu  
Pn. Asrina bt. Mahadi  
Pn. Nor Asma bt. Abdullah Sani  
Pn. Jaleha bt Senin  
En. Md. Yazit b. Hashim  
En. Muhammad Syafiq b. Pauzee  
En. Faroz Meah b. Hussain Meah  
Cik Surita bt. Mohamed @ Abdullah  
En. Saiful Bahari b. Mohamad  
En. Mohd Izzat b. Hadi  
En. Hashan b. Mohd Khalid

#### **Cawangan Audit Negeri Johor**

En. Chiew Koh Chon  
Pn. Ramizah bt. Nordin  
En. Bahtiar Afindi b. Mat Dorein  
En. Ganesh Rao a/l C. Bodiah  
En. Abdul Manap b. Japar  
Cik Illiana bt. Ismail  
Pn. Shirley Lung Ay Chen  
En. Abdulatif b. Buhairah  
Pn. Ainon bt. Ahmad  
Pn. Arfah bt. Mohd Amin  
Pn. Faridah bt. Shahdan  
Pn. Hjh. Harizah bt. Buang  
En. Kam Tin Peng  
En. Mohd Nasir b. Mohd Doom  
Pn. Hjh. Noraini bt. Hussain  
En. Noh b. Hussin  
Pn. Norsiah bt. Aman  
En. Samynathan a/l Sundaram  
Pn. Samsiah bt. Taib  
Pn. Siti Junaidah bt. Hussin  
Pn. Siti Roha bt. Hj.Radiwan

**GAMBAR AKTIVITI HARI AUDIT SE MALAYSIA 2007**



**Sesi Pendaftaran Hari Audit Se-Malaysia 2007**



**Ketibaan Y.B. Dato' Hj. Haji Ali bin Hassan  
Speaker Dewan Negeri Johor**



**Tetamu Kehormat Ketika menyanyikan Lagu NegaraKu**



**Ucapan Aluan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang  
Ketua Audit Negara Malaysia**



**Ucapan Perasmian Hari Audit Se Malaysia Tahun 2007  
Oleh Y.B. Dato' Haji Ali bin Hassan, Speaker Dewan Negeri**



**Sesi perasmian Hari Audit Se-Malaysia 2007 oleh  
Y.B. Dato' Haji Ali bin Hassan**



**Barisan tetamu jemputan luar yang telah hadir**



**Penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat**



**Sesi Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih**



**Sesi Sidang Media**